



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**NOTA PERCAKAPAN
YB MENTERI PERPADUAN NEGARA
MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA (MPPN)**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

MAJLIS MESYUARAT PERINGKAT KEMENTERIAN

1. Di bawah bidang kuasa Kementerian Perpaduan Negara terdapat **tiga (3) majlis mesyuarat** yang berperanan dalam menjayakan agenda perpaduan nasional seperti yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara.
2. Ketiga-tiga majlis mesyuarat atau jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat pada tahun ini bagi membincangkan perkara-perkara berhubung perpaduan negara, integrasi nasional, keharmonian rakyat, hubungan antara agama, pemerksaan jentera perpaduan serta pelaksanaan program perpaduan peringkat negeri dan kebangsaan. Untuk makluman semua, **Jawatankuasa Perpaduan (MExUnity) telah bermesyuarat sebanyak 2 kali pada 13 April 2023 dan 16 Oktober 2023** manakala **Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) telah bermesyuarat pada 28 Oktober 2023.**

PENCAPAIAN KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2023

3. Halatuju inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah untuk mencapai satu matlamat yang cukup besar iaitu **mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu, demokratik, liberal, progresif dan sopan-santun**. Halatuju ini dinyatakan dengan jelas di bawah Dasar Perpaduan Negara yang telah digubal berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

4. Kementerian telah menghasilkan **Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui Perpaduan Dalam Kepelbagaian** yang menyepadukan program melalui **Flagship Kembara Perpaduan** yang turut terbahagi kepada tiga (3) kluster utama. Antara aktiviti utama yang telah dilaksanakan pada tahun ini adalah:

Semarak Kenegaraan

- Explorasi Rukun Negara
- Citra Nusa @ Muzium
- Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa
- Bicara Negarawan
- Wacana Manuskrip Melayu
- Semarak Merdeka
- Semarak Muzium
- Kembara Perpaduan@Kampus
- Pameran Malaysia Tanah Airku
- Pameran Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Tanah Melayu

Semarak Perpaduan

- Sambutan Minggu Perpaduan
- Ini Warisan Kita (Geran Ini Warisan Kita, Pameran Etnik Minoriti, Bicara Bahasa Kolokial, Pengajaran Bahasa Siam & Misi Sukarelawan Siswa)
- Wacana Perpaduan Defisit Sosial
- Debat Perpaduan
- Kem Anak Malaysia
- Jalinan Integrasi Mahasiswa
- Liga Sukan Uniti
- *Food Unites*
- Kempen Cakap Baik-Baik
- Galeri Uniti

Komuniti RAHMAH

- Dapur Komuniti
- Bakul Rahmah/ RT *Cares*
- Ziarah Rahmah
- Program Gerak Muhibah
- Tuisyen KAMI
- Program Integrasi Sosial Antara Komuniti

5. **Sehingga bulan September 2023, sebanyak 433 program telah dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara** serta melalui agensi iaitu Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, Jabatan Muzium Malaysia, Jabatan Arkib Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Yayasan Sukarelawan Siswa, Yayasan Tunku Abdul Rahman dan Yayasan Tun Razak.

INISIATIF KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2024

6. Kementerian Perpaduan Negara akan terus melipatgandakan usaha untuk melaksanakan pelbagai strategi untuk melahirkan bangsa yang patriotik dalam mengukuhkan tapak integrasi nasional dan ekosistem perpaduan negara. Rata-rata kesemua program yang dilaksanakan pada tahun 2023 akan diteruskan pada tahun hadapan. Antara inisiatif utama yang telah dirancang oleh kementerian bagi tahun 2024 adalah:

- **pemeriksaan Model Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** yang akan berperanan sebagai penggerak utama dan penjalin hubung (*bridge builder*) melalui 8 bidang tumpuan bagi merealisasikan aspirasi masyarakat progresif.
- **Sambutan Minggu Perpaduan** - Jemaah Menteri telah meluluskan supaya sambutan ini dilaksanakan secara berkala setiap tahun pada hujung bulan Mei. Pada tahun 2024, sambutan ini akan diadakan di **Negeri Johor**.
- **Harmoni MADANI** - Inisiatif baru ini akan dijalankan bagi memupuk semangat penerimaan dan budaya hormat menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia. Antara program yang bakal dilaksanakan di bawah inisiatif ini adalah **Bicara Harmoni MADANI, Tinta Harmoni, Sambutan Hari Toleransi Sedunia, Sambutan Minggu Harmoni Sedunia, dan program- program Interfaith.**

- **Eksplorasi Rukun Negara** - Usaha untuk meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai agen penyatupaduan rakyat Malaysia. Antara perkara yang akan dijalankan adalah **Pameran Rukun Negara, Simposium Rukun Negara, Ekspresi Rukun Negara, Kem Anak Malaysia dan Program Raja Kita, Akar Kita**. Turut akan menyediakan **geran aktiviti sebanyak RM 3,000 kepada semua Sekretariat Rukun Negara**.
- **Ini Warisan Kita** - inisiatif ini akan diteruskan dan akan diluaskan kepada elemen identiti nasional melalui budaya etnik, makanan, bahasa dan sebagainya.
- **Konvensyen Bahasa Kolokial Malaysia** - bahasa kolokial atau bahasa etnik merupakan khazanah warisan negara yang harus dipelihara dan diwarisi dari generasi ke generasi
- **Simposium *Friends of Unity*** - FoU merupakan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara (KPN) untuk mengukuhkan kolaborasi bersama pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam menjayakan agenda perpaduan nasional.
- **Kempen Malaysia MADANI Membaca** (akan dilancarkan awal tahun depan) - Kempen ini akan dilaksanakan melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dalam memupuk kembali amalan dan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Turut akan diadakan ***World Book Day* yang akan melibatkan semua perpustakaan desa**.

7. Keberkesanan inisiatif program yang dilaksanakan di bawah Dasar Perpaduan Negara diukur melalui **Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)**. Pengukuran tahap perpaduan melalui IPNas telah dilaksanakan sebanyak **dua (2) kali** iaitu pada tahun 2018 dan 2022. Nilai Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) pada tahun **2018 adalah 0.567**. Pada tahun **2022, IPNas mencatatkan peningkatan iaitu dengan skor 0.629** yang bermaksud perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia berada pada tahap sederhana dan terkawal.

8. Melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), sasaran yang ditetapkan bagi **pencapaian tahap perpaduan pada tahun 2025 adalah pada skor 0.7**. Pada tahun 2024, Kementerian akan menjalankan kajian berasingan **IPNas 3.0 bagi Semenanjung, Sabah, Sarawak dan kebangsaan (secara keseluruhan)**.

9. Bagi memastikan hasrat ini tercapai, kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi dalam pelaksanaan dasar dan pelan tindakan ini amat penting bagi memastikan usaha memupuk budaya toleransi dan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Sekian, terima kasih.